

PERSEPSI GURU SAINS TERHADAP KAEDAH PEMBELAJARAN KOPERATIF (PK) BERDASARKAN KEMAHIRAN SOSIAL PELAJAR DAN MINAT GURU

Meor Ibrahim Bin Kamaruddin & Nurul Amira Binti Ahmad
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK : Pembelajaran Koperatif merupakan satu kaedah pengajaran yang amat digalakkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi terhadap kaedah pembelajaran secara Koperatif dalam kalangan guru-guru sains di daerah Pontian, Johor. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang pandangan guru terhadap pembelajaran secara PK bagi dua kategori iaitu kemahiran sosial pelajar dan minat guru terhadap PK. Sampel terdiri daripada 56 orang responden yang dipilih secara rawak mudah. Mereka terdiri daripada guru yang mengajar subjek Sains, Kimia, Fizik dan Biologi di sekolah menengah sekitar Daerah Pontian. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 11.5. Hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap PK bagi kedua-dua kategori adalah positif. Hasil kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak sekolah dan pihak-pihak tertentu bagi memastikan guru-guru sentiasa mempunyai persepsi yang positif terhadap PK.

ABSTRACT : *Cooperative Learning* is one of the teaching methods that has been encouraged by the Ministry of Education to be used in the teaching and learning processes. The purpose of this study is to determine teachers' perceptions on CL among science teacher in Pontian, Johor. The teachers' perceptions on CL questionnaire was used as the research instrument. Two categories of the perceptions were focused on this study, they were social skill among students and teachers' interest in using CL. 56 science's teachers from Pontian, Johor were chosen randomly as respondents. Collected data were analyzed using the SPSS software version 11.5. The result shows that the teachers' perceptions on CL for both categories are positive. It is hope that the research findings will be benefit to schools and other organizations in implimenting CL in teaching and learning processes.

Katakunci : *Cooperative Learning (CL)*, *SPSS*

PENGENALAN

Sebagai pendidik kita bertanggungjawab untuk membantu setiap pelajar meningkatkan minat dan kecenderungan mereka ke arah pelajaran. Pelajar juga digalakkan membina jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah dengan menggunakan idea dan hipotesis yang telah dibina. Keadaan ini boleh dilaksanakan dengan mengambil langkah menggunakan pendekatan pengajaran yang berkesan. Ini termasuklah amalan pembelajaran yang berpusatkan guru kepada amalan pembelajaran berpusatkan pelajar, misalnya dengan menggunakan pendekatan secara kumpulan. Pendekatan ini mempunyai kelebihan kerana mereka berpeluang berinteraksi antara satu sama lain dan boleh belajar melalui pengalaman sendiri.

Kaedah kumpulan merupakan satu inovasi dalam strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar khususnya dalam pembelajaran sains. Kaedah kumpulan pelbagai kebolehan memberikan pelajar-pelajar peluang mengamalkan pengajaran sebaya, memupuk semangat kerjasama dan bertimbang rasa, perkembangan sahsiah dan kemahiran sosial . Agar pembelajaran koperatif berkesan, guru mesti mengajar kemahiran sosial kepada pelajar. Kemahiran-kemahiran tersebut merangkumi kepimpinan, membuat keputusan, membina kepercayaan, komunikasi dan pengurusan konflik (Ng , 1999).

Kajian juga menunjukkan pembelajaran koperatif boleh memperbaiki kemahiran sosial pelajar. Ahli-ahli dalam kumpulan perlu bekerjasama untuk mencapai objektif pembelajaran. Secara tidak langsung, mereka perlu mempelajari atau memperbaiki kemahiran sosial mereka. Pelajar yang bersuara perlahan perlu meninggikan suara supaya didengari dan difahami oleh ahli kumpulan lain. Teguran sesama ahli perlu dilakukan dengan sewajarnya agar dinamik kumpulan tidak hancur dan gerak kerja berjalan lancar (Slavin, 1990).

Mengikut Kagan (1994) , pembelajaran kooperatif bagi golongan berbakat telah membawa banyak keberkesanan atau faedah seperti, membaiki hubungan sosial, meningkatkan pencapaian, meningkatkan kemahiran kepimpinan, meningkatkan kemahiran sosial, meningkatkan tahap kemahiran aras tinggi, meningkatkan kemahiran teknologi, meningkatkan keyakinan diri. Justeru, kaedah PK perlulah menjadi sebagai salah satu kaedah pembelajaran utama untuk dipraktikkan oleh guru-guru di sekolah dalam usaha melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang di bidang akademik malah telah bersedia untuk menghadapi permintaan dan cabaran dunia yang serba maju kini.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian juga menunjukkan pembelajaran koperatif boleh memberbaiki kemahiran sosial pelajar. Ahli-ahli dalam kumpulan perlu bekerjasama untuk mencapai objektif pembelajaran. Secara tidak langsung, mereka perlu mempelajari atau memperbaiki kemahiran sosial mereka. Pelajar yang bersuara perlahan perlu meninggikan suara supaya didengari dan difahami oleh ahli kumpulan lain. Teguran sesama ahli perlu dilakukan dengan sewajarnya agar dinamik kumpulan tidak hancur dan gerak kerja berjalan lancar.

Namun, dari apa yang diperhatikan, masih ramai guru-guru sains tidak menggunakan PK sebagai salah satu kaedah pembelajaran mereka (Mazlan, 2002). Lantaran itu, kajian ini di jalankan bagi mengenal pasti persepsi guru-guru terhadap kaedah pembelajaran koperatif dalam subjek sains berdasarkan kemahiran social pelajar dalam PK (daripada perspektif guru) serta minat guru terhadap PK untuk melihat faktor-faktor yang menyebabkan kaedah PK kurang diamalkan di sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi tentang kaedah pembelajaran koperatif di kalangan guru-guru sains berdasarkan : i) kemahiran sosial pelajar dalam PK ii) minat guru dalam PK

KEPENTINGAN KAJIAN

Kementerian Pelajaran Malaysia : Melalui kajian ini, maklumat yang diperolehi akan dapat membantu pelbagai pihak khususnya Kementerian Pelajaran Tinggi untuk mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan guru-guru terhadap kaedah pembelajaran koperatif. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menjadi petunjuk kepada kementerian dan pihak university sekiranya ingin melaksanakan pendekatan ini secara menyeluruh dalam system pendidikan. Ini adalah penting demi melahirkan para graduan dan dalam usaha untuk melahirkan tenaga profesional yang mempunyai fikiran kritikal dan berkualiti untuk menyumbang kemajuan negara kelak.

Pihak institusi pengajian tinggi (IPT) : Pihak institusi pengajian tinggi khususnya fakulti pendidikan akan dapat mengetahui persepsi guru-guru sains terhadap kaedah pembelajaran koperatif,

lantas pihak IPT akan dapat memikirkan dan berusaha menyediakan satu kaedah pembelajaran yang lebih efektif bagi memastikan para pelajar mencapai standard pemikiran yang diinginkan dan memahami dengan lebih mendalam tentang kaedah pembelajaran koperatif ini.

Para guru sains : Melalui kajian ini, guru-guru sains dapat mengkaji semula kaedah pengajaran mereka dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka dengan menggunakan kaedah-kaedah yang terbaik dan lebih berkesan dalam usaha memastikan ilmu yang ingin disampaikan diterima oleh pelajar-pelajar.

Para pelajar (siswazah) : Kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat memberikan panduan kepada para pelajar terutamanya pengetahuan mereka dalam kaedah pembelajaran. Ia akan dapat membantu pelajar membuat refleksi sendiri dan berusaha memantapkan lagi pengetahuan mereka dan memahami kaedah pembelajaran ini dengan sebaiknya untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka kelak.

SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop kajian ialah untuk mengetahui persepsi para guru sains terhadap kaedah pembelajaran koperatif dalam subjek sains di sekolah berdasarkan kemahiran social pelajar serta minat pelajar terhadap PK. Pemilihan sampel kajian ini berdasarkan kepada guru-guru sains yang berpengalaman. Sampel juga diambil tanpa mengira bangsa, keturunan, jantina dan latar belakang keluarga serta anutan agama.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Menurut Mohd Majid (1990), kajian deskriptif dilakukan bagi menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dengan menganalisis data yang diperolehi melalui instrumen yang tertentu seperti soal selidik atau media-media lain. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Kaedah ini digunakan kerana ia merupakan satu kaedah saintifik sifatnya dan logik kerana pelajar dipilih secara rawak. Dalam kajian ini satu set soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian daripada responden.

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengumpulkan maklumat mengenai persepsi tentang kaedah pembelajaran koperatif di kalangan guru-guru sains berdasarkan kemahiran sosial pelajar dalam PK (daripada perspektif guru) serta minat guru-guru terhadap PK.

Sampel Kajian

Dalam sesuatu penyelidikan pendidikan, mengenal pasti populasi merupakan perkara penting kerana ia menentukan bidang masalah yang perlu dikaji serta sebanyak mana data dan maklumat yang perlu dikumpul. Di samping itu, populasi juga menentukan masa, tenaga dan perbelanjaan yang akan digunakan untuk melaksanakan penyelidikan. Populasi mestilah ditentukan dan dikaji dengan teliti agar keputusan kajian yang dipilih berkesan (Mohd. Najib, 1998).

Populasi kajian ini adalah guru-guru sekolah menengah di daerah Pontian. Pemilihan sampel di dalam kajian ini dibuat secara rawak mudah di sekolah-sekolah menengah daerah Pontian, Johor. Terdapat 13 buah sekolah menengah yang didaftarkan di Pejabat Pelajaran Daerah Pontian. Justeru, lapan buah sekolah dipilih untuk dijadikan persampelan.

Instrumen Kajian

Menurut Shaharam (1990), instrumen kajian merupakan alat pengukuran yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang sesuatu subjek. Dalam kajian ini, soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik ialah borang yang mengandungi item-item yang harus dijawab oleh responden. Soal selidik yang disediakan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B.

Bahagian A (Maklumat responden) : Bahagian A merupakan bahagian yang berkaitan dengan latar belakang responden (pelajar). Bahagian ini mengandungi item-item demografi seperti jantina, bangsa, jangkamasa pengalaman mengajar serta subjek sains yang diajar oleh guru. Dapatan yang dikemukakan hanya sebagai rekod sahaja.

Bahagian B (Persepsi guru terhadap kemahiran sosial pelajar dan minat guru dalam Kaedah Koperatif) : Dalam bahagian B pula, analisis kajian tertumpu pada item-item yang berkaitan dengan objektif kajian. Bahagian ini terdiri daripada item yang berkaitan persepsi guru terhadap kemahiran sosial pelajar dan minat guru dalam *Kaedah Pembelajaran Koperatif*. Skala Likert yang digunakan dalam set soal-selidik Bahagian B.

KAJIAN RINTIS

Sebelum kajian sebenar dilakukan, satu kajian rintis akan dilakukan di kalangan guru di sebuah sekolah di Skudai, bagi mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan soal-selidik tersebut. Seramai 10 orang guru akan dipilih untuk dijadikan responden bagi kajian rintis ini. Soal selidik ini juga telah disahkan oleh para pensyarah kanan yang mempunyai pengalaman yang banyak dalam bidang pendidikan (Sila rujuk Lampiran B). Ini menunjukkan bahawa soal-selidik yang dibina mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan dan sesuai digunakan untuk kajian ini.

ANALISIS DATA

Sebanyak 56 orang guru terlibat dalam kajian ini iaitu 16 orang guru lelaki (28.6%) dan bakinya adalah pelajar perempuan sebanyak 40 orang guru perempuan (71.4%)

Majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu sebanyak 40 orang (71.4%), diikuti bangsa Cina yang berjumlah 13 orang (23.2%) dan yang paling sedikit ialah bangsa India iaitu 3 orang (5.4%).

Sebanyak 56 guru telah terlibat dalam kajian. Responden yang terlibat adalah terdiri daripada guru sains, fizik, kimia dan biologi daripada lapan buah sekolah di Daerah Pontian. Seramai 17 orang responden (30.3%) mengajar subjek sains, 14 orang subjek fizik (25.0%), 16 orang subjek kimia (28.6%) dan selebihnya, 9 orang lagi mengajar subjek biologi (16.1%).

Sebanyak 56 guru telah terlibat dalam kajian. Responden yang terlibat adalah terdiri daripada guru sains yang mempunyai tempoh pengalaman mengajar yang berbeza. Seramai 13 orang responden menunjukkan yang mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 10 tahun (23.2%), 22 orang responden mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 20 tahun (39.3%) dan 21 orang responden pula antara 21 hingga 30 tahun (37.5%)

Secara keseluruhannya, persepsi guru-guru sains di Daerah Pontian adalah positif terhadap PK (min keseluruhan 3.69). Secara keseluruhan, PK menggalakkan pelajar untuk saling membantu dalam

pembelajaran mereka. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan guru berpendapat bahawa pelajar mempunyai kemahiran sosial iaitu salah satu kemahiran yang sangat diperlukan semasa proses pembelajaran secara koperatif.

Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah item 2 (min 4.00). sebanyak 47 orang guru (83.9%) berpendapat persaingan merupakan sesuatu yang baik dalam menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia sebenar. Pendapat ini ternyata disokong oleh Johnson dan Johnson (1991) seperti rumusan yang dibuat oleh beliau hasil dari tinjauan 375 kajian luar negeri yang dijalankan, mendapati pendekatan PK adalah paling berkesan dalam situasi yang memerlukan pemikiran aras tinggi, ideaidea kreativiti, aplikasi dalam dunia sebenar dan melibatkan banyak penyelesaian masalah. Manakala bilangan yang tidak bersetuju ialah sebanyak 9 orang (16.1%). Ini diikuti pula dengan item 11 (min 3.84). Sebanyak 41 orang guru (73.2%) bersetuju bahawa PK dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran social pelajar. Jumlah bilangan guru yang tidak bersetuju hanyalah sebanyak 15 orang (26.8%). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran sosial pelajar dapat dipupuk melalui kaedah pembelajaran koperatif ini. Perkara ini turut disokong oleh Cheah dan June (1999). Menurut mereka, kelebihan dalam PK ialah murid dilatih untuk berkomunikasi, mengurus konflik, memimpin dan membuat keputusan, semuanya merupakan kemahiran sosial yang amat penting dalam dunia bekerja pada masa depan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, dapat dirumuskan bahawa persepsi guru-guru sains di Daerah Pontian adalah positif terhadap PK (min keseluruhan 3.69).

Menurut Mohd Majid (2000), soal selidik merupakan satu instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif. Cara ini mudah mendapat kerjasama daripada responden kerana responden bebas memilih dan menyatakan pendapat. Mereka juga tahu apa yang dirasakan dan difikirkan untuk melaporkan serta menilai mengikut kehendak soal selidik. Rumusan dalam bab ini dibuat berdasarkan datadata yang diperolehi dalam bab 4 yang mana ianya menjawab persoalan kajian yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

- i) kemahiran sosial pelajar dalam PK (daripada perspektif guru)
- ii) minat guru terhadap PK

Dapatan kajian menunjukkan nilai min yang tinggi bagi kedua-dua kategori iaitu kemahiran sosial pelajar dalam PK (min 3.68) dan minat guru terhadap PK (min 3.69). Hasil daripada dapatan kajian tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa persepsi guru terhadap PK adalah positif bagi setiap kategori yang telah dikaji.

Para guru sains di Daerah Pontian didapati memahami dan telah didedahkan dengan kaedah PK. Guru juga berpendapat pelajar mempunyai kemahiran social untuk mengamalkan kaedah PK. Menurut Wee (2004), pengaruh individu dan pengaruh dalam kumpulan adalah salah satu elemen yang sememangnya terdapat dalam proses PK. Sekiranya pelajar bekerja dalam satu pasukan, maka masalah akan lebih mudah untuk diatasi berbanding bekerja secara individu dan pelajar akan menjadi lebih cemerlang dan matang.

Perlaksanaan kaedah PK adalah salah satu cara yang paling strategik di mana melibatkan pembelajaran secara berkumpulan dan setiap ahli kumpulan berusaha untuk mencapai matlamat yang bersama. Hal ini selari dengan pendapat Muhammad Zahir (2003) dalam Wahida Sakira (2006) yang menyatakan pembelajaran dalam kumpulan adalah langkah terbaik untuk memantapkan lagi

pemahaman terhadap suatu isi pelajaran. Perbincangan dalam kumpulan juga dapat menguatkan ingatan tentang suatu formula dengan mudah. Namun ahli dalam kumpulan perbincangan mestilah tidak terlalu ramai, kerana bilangan yang ramai menyebabkan suatu perbincangan menjadi tidak serius. Selain itu, kemahiran bekerja dalam kumpulan turut meningkatkan kemahiran komunikasi melalui kemudahan perbincangan dalam kumpulan. Ia juga dapat membantu pelajar menyiapkan tugas dengan lebih mudah dan mereka dapat mendengar dan menerima pendapat masing-masing.

Keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa persepsi pelajar terhadap PK adalah positif berdasarkan setiap kategori yang dikaji.

RUJUKAN

- Alimah Adusidiah bte Sallehan. 1996. *Satu kajian eksperimen tentang keberkesanan teknik pembelajaran secara kooperatif dalam meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak pemulihan tahun tiga*. Latihan ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Cheah, L. N. & June M. L. Poon (1989/99). *Efficacy of Cooperative Learning Among Malaysian Secondary School Students*. *Journal of School of Educational Studies*, 16, (pp 13-27). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Cheah T. T., Adlan A., Baskaran N. dan Lim C. L. (2002). *Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Kooperatif dalam Pembelajaran Bacaan Pemahaman Teks di Kalangan murid SJK(C) dan SJK(T)*, Jurnal Pendidikan MPSAH Jld 6
- Dees, R. L. (1991) The Role of Cooperative Learning In Increasing Problem-Solving In College Remedial Course. *Journal for Research in Mathematics Education*. Vol. 22. No. 5, pp. 409-421
- Deutsch, M. (1949). A Theory of Cooperative and Competition. *Human Relations* 2:129-152.
- Effendi Zakaria 1998. *Pembelajaran Kooperatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis PhD. Tidak diterbitkan
- Effandi Zakaria. (2005). *Asas Pembelajaran Kooperatif Dalam Matematik*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Gan, T. H. (1999). Mencari titik keseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: Satu kes pelaksanaan Penyelidikan pembelajaran kooperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan MPS*, 2, 68-85.
- Hamm, M. dan Adam, D M. 1994. *New Designs For Teaching And Learning In Tomorrow's Schools*. San Francisco, CA. Jossey Bass ms 98.
- Ida bt Fadzil (1995). *An experimental study of effectiveness of cooperative learning in enhancing the level of performance of form one student and its effect on racial integration*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamilah Abd. Karim. (1993). *A case study on the use and the effectiveness of cooperative learning in form one ESL writing class*. Latihan ilmiah. UKM.
- Johnson, D.W. & Johnson, R.T (1991). *Learning together and alone: cooperative, competitive, and individualistic learning*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.